

# The Stilletto juara teater



Aksi pementasan teater satu **daripada** kumpulan yang bertanding.

**Kuala Terengganu:** Kumpulan Teater The Stilletto dari Universiti Sultan Zainal Abdin (UniSZA) muncul juara program Sketch Competition and English Fest (SCEF) 2014, yang diadakan di Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, baru-baru ini.

Dalam pertandingan anjuran pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris Komunikasi UniSZA, The Stilletto menewaskan empat pasukan lain sekali gus membawa pulang wang tunai RM400 beserta trofi, hamper dan sijil.

Tempat kedua menjadi milik Kumpulan Teater Of Najla, juga daripada UniSZA dengan meraih wang tunai RM300 manakala tempat ketiga dimenangi Kumpulan Teater dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang membawa pulang wang tunai RM200.

Dua pelajar UniSZA, Alif Imran Mohd Mustafa dan Nur Attilia Farhana Mohd Zali, masing-masing dinobatkan sebagai pelakon terbaik bagi kategori lelaki dan perempuan.

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Fakulti Bahasa Komunikasi (FBK) UniSZA, Engku Suhaimi Engku Atek, berkata pertandingan itu bertujuan mendedahkan pelajar kepada teknik serta cara

mengendalikan sesebuah majlis dengan efektif dan berjaya.

## Tingkat kemahiran

Katanya, SCEF2014 itu juga satu daripada inisiatif pelajar untuk meningkatkan kemahiran dalam bahasa Inggeris dengan cara mudah dan menghiburkan.

“Ledakan era globalisasi pada abad ini memberi cabaran hebat kepada masyarakat terutamanya generasi muda dari segi penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris.

“Justeru, kami di UniSZA dan FBK khususnya amat menyokong segala program yang dapat meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar selagi ia tidak bertentangan dengan akidah dan tatasusila,” katanya pada majlis penutup program berkenaan.

Mengulas lanjut, Engku Suhaimi berkata, pelbagai aktiviti turut diadakan bagi memeriahkan program itu termasuk pameran bertemakan World English, kuiz, tayangan video interaktif bahasa Inggeris serta persembahan koir.

“Justeru, kita menyeru setiap peserta dan pelajar membuang rasa malu dalam menguasai bahasa Inggeris supaya lebih berdaya saing dalam sektor pekerjaan kelak,” katanya.